

**SOALAN NO: 21**

utama, ibu-ibu negeri dan kawasan-kawasan perindustrian yang melibatkan penaiktarafan sebanyak 198 ibusawat di seluruh negara.

Selain itu, projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) turut dijalankan bagi menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir bandar. Sehingga kini, lebih 300 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan sebanyak 420 ibusawat. Baki 160 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat di seluruh negara pada tahun 2019.

Kerajaan melalui SKMM, sentiasa memantau caj yang dikenakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi untuk memastikan bahawa caj tersebut adalah adil dan munasabah. Untuk perkhidmatan Internet HSBB, Kerajaan telah mengumumkan dalam pembentangan Bajet 2017 bahawa kelajuan perkhidmatan jalur lebar akan digandakan pada harga yang sama. Ini bermakna, harga perkhidmatan jalur lebar untuk setiap 1 megabit sesaat akan mengalami penurunan harga sebanyak 50 peratus.

Di samping itu, sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, mulai bulan November 2017, Telekom Malaysia (TM) juga akan menawarkan pakej-pakej khas untuk usahawan dan pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi. Pakej tersebut dipercayai akan memberi faedah kepada semua golongan masyarakat terutama golongan B40 dan sekali gus dapat meningkatkan produktiviti dan keuntungan usahawan serta meningkatkan akses untuk pelajar ke arah mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA**  
**TARIKH : 8.11.2017**  
**SOALAN : NO.22**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang telah menjelaskan kesemua, separuh dan langsung tidak membayar pinjaman PTPTN mengikut negeri, jantina dan agama dari tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30/09/2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional mula beroperasi pada tahun 1997 sehingga 30 September 2017, seramai 1,900,743 peminjam telah tamat pengajian dan sepatutnya memulakan bayaran balik melibatkan amaun yang patut dikutip sebanyak RM18.97 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,490,243 peminjam telah membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM12.13 bilion. Seramai 970,330 peminjam adalah Bumiputra dengan amaun bayaran balik sebanyak RM6.55 bilion manakala 519,913 peminjam adalah bukan Bumiputra dengan amaun bayaran balik sebanyak RM5.58 bilion.

Daripada jumlah keseluruhan yang patut dikutip, sebanyak RM6.84 bilion masih lagi tertunggak iaitu sebanyak RM2.79 bilion adalah tunggakan daripada 410,500 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan baki RM4.05 bilion lagi adalah tunggakan daripada peminjam yang

sedang membuat bayaran balik tetapi kurang daripada jumlah ansuran yang ditetapkan.

Daripada 410,500 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik, seramai 355,272 peminjam yang melibatkan RM2.44 bilion adalah daripada kaum Bumiputra manakala seramai 55,228 peminjam yang melibatkan RM0.35 bilion adalah daripada kaum bukan Bumiputra.